

# → MUKA SEPULUH

**Minda Pengarang**

## Malaysia-China saling menghormati

awatan kerja lima hari Perdana Menteri ke China banyak menyerlahkan sikap negara dengan kedudukan ekonomi kedua terbesar di dunia itu, yang sedia bertolak ansur. Bukan mudah untuk negara besar seperti China mengambil berat masalah dihadapi negara sekecil Malaysia, malah sanggup pula menghulurkan bantuan.

Kesediaan China menerima 'beban' Malaysia itu harus dipandang tinggi. Inilah yang seharusnya berlaku kerana hubungan antara dua negara, perlu berpaksikan sikap hormat-menghormati.

Menilai perkembangan, terbukti sudah hubungan antara Malaysia dan China amat mendalam. Kejayaan rundingan semula projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) antara bukti kukuh. Jelas sekali Malaysia tidak mampu meneruskan projek seperti termaktub dalam perjanjian sebelum ini, namun China memahaminya dan sanggup bertolak ansur untuk meringankan beban hutang Malaysia.

Bukan itu saja, banyak lagi pelaburan daripada negara itu dijanjikan di Malaysia. Malah China juga berjanji menambah pembelian minyak sawit negara untuk membolehkan Malaysia meneruskan projek ECRL itu.

## Pastikan projek pembinaan 'mesra' sungai

Cadangan pembinaan bangunan dan perumahan baharu yang menghadap kawasan sungai pernah dibangkitkan sebelum ini, namun ia dipandang sinis. Namun selepas menilai nasib menimpa sungai kita yang semakin diancam pencemaran, termasuk lebih 20 yang berisiko menjadi sungai 'mati' seperti didebakkan BH, rasanya cadangan mewajibkan insiatif itu wajar diberikan perhatian serius.

Kita percaya cadangan itu cukup sesuai. Melalui sampah dari bangunan atau perumahan tidak lagi dibuang atau dialirkan ke dalam sungai. Ini akan memastikan sungai itu termasuk kawasan sekitarnya lebih indah.

Di Belanda sebagai contoh memang sudah menjadi kebiasaan bangunan dibina menghadap sungai dan bukan membela-kangiinya. Begitu juga di beberapa negara Eropah. Rasanya pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu buat sesuatu dan pertimbang wujudkan dasar bersesuaian, mengambil kira nasib sungai yang semakin diancam pencemaran.

Jika kita sebagai generasi hari ini tidak mampu menjaga kepentingan sungai yang diancam pencemaran, bayangkan apa nasib yang akan menimpa generasi akan datang.

# Anak autisme perlu dibantu fahami realiti kehidupan

**Dari Kaca Mata**

**Prof Dr Normaliza Abd Rahim**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

**A**utisme atau Autism Spectrum Disorder (ASD) ialah gangguan perkembangan saraf yang boleh menyebabkan kesukaran untuk berkomunikasi dan memahami ujaran, menjalani interaksi sosial dan masalah tingkah laku.

Kanak-kanak dalam kategori ini hanya bertumpu dalam dunia mereka sendiri. Ada antara mereka sangat pendiam dan melakukan aktiviti sendirian, malah mereka tidak gemar bertemu mata dengan orang lain.

Mereka tidak faham keadaan di sekeliling dan dilihat ke hulu dan ke hilir tanpa tujuan. Arahan diberikan kadang-kala diabaikan, kerana mereka tidak tahu ia ditujukan untuk mereka.

### Beberapa kategori ciri-ciri autisme

Autisme boleh didapati dalam beberapa kategori. Antara yang sering dikenal pasti adalah Attention Deficit Disorder (ADD), Attention Deficit Highly Disorder (ADHD) dan Sindrom Asperger.

Terdapat juga kanak-kanak yang dikenal pasti sebagai Mild Autism (autisme ringan) yang menunjukkan sedikit simptom gangguan itu.

Ciri-ciri kanak-kanak ini antaranya tidak suka bersosial, mengelak hubungan mata dan lebih suka bersendirian, selain sukar memahami perasaan orang lain, perkembangan pertuturan lambat, mengulang perkataan atau frasa berulang kali (echolalia), mempunyai minat yang sangat terhad serta banyak lagi ciri-ciri lain dikenal pasti.

Kajian saya pada 2018 mendapati kanak-kanak autisme boleh ditenteramkan dalam bilik khas yang sedikit gelap dengan lampu yang bergerak (bilik senyap), memberi mereka masa sendirian sambil mendengar muzik sentimental yang perlahan dan menggunakan suara yang lembut serta perlahan apabila bercakap.

Pendekatan Pembelajaran Imaginasi diperkenalkan bagi tujuan penerapan nilai sosial. Pendekatan ini memberi fokus kepada imaginasi kanak-kanak autisme terhadap watak diberikan.

Kanak-kanak akan melakonkan dan memahami watak. Pendekatan ini dapat meninggalkan kesan positif dan mereka mula menunjuk minat dalam pembelajaran. Aktiviti ini juga memberi ruang kepada kanak-kanak autisme memahami setiap pekerjaan dalam realiti kehidupan.

### Bahasa isyarat bantu berinteraksi

Kajian juga mendapati bahasa isyarat digunakan dalam kalangan kanak-kanak autisme. Ada antara kanak-kanak ini sukar menyebut perkataan, maka bahasa isyarat boleh digunakan supaya interaksi berjalan lancar. Kadangkala, ujaran disertakan bahasa isyarat supaya interaksi difahami kedua-dua belah pihak.

Masyarakat wajar mempelajari bahasa isyarat asas supaya dapat berinteraksi dengan kanak-kanak ini.

Kajian menunjukkan kanak-kanak autisme dapat mengenal pasti nilai sosial dalam 'Model Penceritaan Nilai Sosial Cerita Kanak-kanak' iaitu melalui lagu dan cerita sosial.

Model diperkenalkan ini mengandungi lima lagu sosial yang mempunyai jalan cerita tentang nilai sosial. Lima cerita sosial juga ditulis bagi tujuan penceritaan dalam kalangan kanak-kanak autistim.

Lima kanak-kanak autisme (mild) diperdengarkan berulang kali dengan lagu serta cerita sosial selama 14 minggu. Mereka ditemui bual serta diberi peluang bercerita tentang cerita sosial. Perbualan serta cerita diujarkan dirakam dan dinilai dengan menggunakan teori Ana-

lisis Wacana yang diperkenalkan.

Teori ini mengandungi tiga elemen iaitu kandungan, konteks dan andaian. Keputusan menunjukkan kajian ini berjaya memberi ruang kepada kanak-kanak autisme belajar mengenai nilai sosial yang terkandung dalam lagu dan cerita sosial.

### Terap nilai sosial berpendekan

Nilai sosial dalam keluarga, jiran tetangga, sekolah dan masyarakat seperti tolong-menolong, ambil berat, kasih sayang, tanggungjawab, rasional, ikhlak, jujur dan sebagainya.

Walaupun kanak-kanak autisme tidak memahami sepenuhnya nilai ini, wajar untuk memberi pendekan dan peringatan kepada mereka setiap hari.

Kajian ini penting dan bermanfaat kepada masyarakat keseluruhannya, termasuk Kementerian Pendidikan dalam merancang pembelajaran kanak-kanak istimewa, guru yang menyumbang penyediaan bahan pembelajaran serta mengenal pasti strategi sesuai, ibu bapa dan keluarga yang sedar akan kepentingan pemahaman terhadap proses pembelajaran anak istimewa ini.

Untuk penyelidik pula, ia membantu mencari penyelesaian masalah mengenai kanak-kanak istimewa dan akhir sekali mereka yang memerlukan perhatian, dorongan dan pembelajaran berterusan yang berkesan supaya dapat menjalani kehidupan seterusnya.

Kesedaran mengenai kewujudan kanak-kanak ini dapat menolong masyarakat keseluruhannya dalam memberikan ruang kepada mereka untuk sama-sama berada di dunia sama.

Ini membantu kanak-kanak autisme dalam pemahaman terhadap dunia yang semakin berubah dengan teknologi terkini dan perubahan ini berlaku dengan cepat.

Kanak-kanak yang lambat proses pembelajaran akan berasakan satu kekangan dan ini didapati merugikan kerana mereka akan lebih ketinggalan jika diabaikan.